

Headline **Malay Tea House perkenal 22 jenis herba**
Date **16. Aug 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **14**
Section **Dlm Negeri** Article Size **98** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**
AdValue **1390.50**



Malay Tea House perkenal 22 jenis teh herba

SERDANG 15 Ogos - Syarikat pengeluar teh, Malay Tea House Sdn. Bhd. memperkenalkan 22 jenis teh yang diperbuat daripada herba tempatan antaranya daun limau purut, serai, daun jambu, ulam raja, dukung anak dan peria.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Safinah Yaakob berkata, setiap jenis teh herba itu mengandungi khasiat yang tersendiri seperti teh mas cotek, serai dan kesum yang baik dalam mengurangkan tahap kolesterol.

"Untuk melancarkan pengaliran darah dan membuang toksin dalam badan pula, pengguna boleh memilih teh herba pegaga dan ulam raja," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Syarikat milik bumiputera itu merupakan antara peserta yang terlibat dalam Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2008 di sini.

Mengenai cara penyediaan teh herba itu, Safinah berkata, ia tidak boleh dicampurkan dengan susu atau gula bagi mengelak khasiatnya hilang.

Menurutnya, semua 22 jenis teh herba itu dihasilkan syarikatnya melalui kajian bersama dengan Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM).

Beliau berkata, pihaknya juga telah meneroka pasaran di Brunei, Singapura dan Afrika Selatan sejak tahun 2004 bagi membuka mata masyarakat antarabangsa mengenai kekayaan herba negara.

"Bagi mengukuhkan pasaran dalam negara, saya mengalu-alukan peniaga yang berminat untuk menjadi ejen negeri bagi produk ini," katanya.